

HALAMAN PEMERIKSA

PERKAHWINAN MELAYU TRADISI DAN KINI:  
PERBANDINGAN DARI SEGI ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN,  
PAKAIAN SERTA PERHIASAN PENGANTIN

JAMALIAH AZMIRAKARIMAH BINTI MOHD ALI

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Seni Lukis Dan Seni Reka.

1. Diperiksa oleh.....Tarikh.....
2. Diperiksa oleh.....Tarikh.....
3. Diluluskan oleh.....Tarikh.....

Dekan

Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

# ***PENGHARGAAN***

Syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk menyelesaikan segala tugas. Alhamdulillah dengan izinNya, tesis ini dapat saya hasilkan dengan sempurna.

Terlebih dahulu, penghargaan ini saya tujukan buat keluarga tercinta yang telah banyak memberi dorongan, terutamanya ibu serta adik-beradik tersayang. Segala semangat, sumbangan dan pertolongan yang tidak putus-putus diberikan inilah saya jadikan kekuatan untuk menyudahkan kerja.

Jutaan terima kasih ditujukan juga khas buat pensyarah-pensyarah Jabatan Senireka Fesyen terutamanya Prof. Madya Puan Zaiton Ahmad Jalaluddin selaku penasihat utama dan Puan Sharifah Alwiyah Syed Sahil, selaku ketua kursus jabatan yang telah memberi tunjuk ajar. Tanpa bantuan daripada mereka, sudah tentu tesis ini tidak dapat diselesaikan.

Ucapan terima kasih ini turut ditujukan khas buat:

- Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur
- Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam
- Perpustakaan Tun Uda, Shah Alam
- Arkib Negara, Kuala Lumpur
- Muzium Negara, Kuala Lumpur

yang telah banyak menyumbang bahan-bahan ilmiah.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, perkahwinan boleh dianggap sebagai satu perkara yang cukup penting dalam kehidupan memandangkan hampir keseluruhan manusia di dunia ini akan melaluinya. Perkahwinan juga sering diibandingkan sebagai pengikat kasih antara *pasangan yang berkahwin*, di samping dapat mengembangkan generasi pasangan tersebut.

Menurut masyarakat Melayu, untuk melangsungkan sesuatu upacara perkahwinan bukanlah mudah. Lazimnya, pasangan yang akan berkahwin harus menjalani adat istiadat tertentu sebelum mereka dijabkumkan. Namun dalam dunia serba canggih hari ini, adat istiadat tersebut semakin kurang diamalkan memandangkan prosesnya memakan masa dan kurang bersesuaian dengan situasi sekarang.

Adat istiadat perkahwinan boleh dimajukan sekiranya timbul kesedaran pada masyarakat kini tentang kepentingan memeliharanya, kerana ia terlalu diagung-agungkan oleh generasi terdahulu. Sekiranya adat istiadat ini kurang dititikberatkan, mungkin generasi akan datang akan terus melupakan budaya bangsa sendiri.

Adat istiadat adalah sesuatu yang amat berharga. Tanpa mengamalkannya, sesuatu bangsa itu akan miskin dari segi budaya. Sebagai masyarakat Melayu, adalah menjadi kewajipan kita untuk mengangkat adat ini di tempat teratas.

Di sini dapatlah disimpulkan bahawa adat istiadat dan perkahwinan Melayu adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Ianya mempunyai kaitan yang cukup rapat di antara satu sama lain. Tanpa istiadat tertentu di dalam perkahwinan Melayu, maka hilanglah seri majlis tersebut. Oleh itu, jika kita menyebut tentang perkahwinan Melayu, pasti kita dapat menggambarkan adat istiadat menarik yang terdapat di dalam setiap upacaranya.

## **ISI KANDUNGAN**

*Halaman Pemeriksa*

*Penghargaan*

*Sinopsis*

*Tujuan*

*Kaedah*

*Keputusan*

*Kesimpulan*

*Isi Kandungan*

## **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 PENGENALAN

1.2 DEFINISI DAN FUNGSI PERKAHWINAN

1.3 JENIS DAN BENTUK PERKAHWINAN

1.4 MELAYU DAN RUANG LINGKUPNYA

1.4.1 Pengistilahan Melayu

1.4.2 Dunia Melayu

1.5 PANDANGAN MASYARAKAT MELAYU TENTANG PERKAHWINAN